

MAJLIS PEMBUKAAN SUKAN ANTARA SEKSYEN SKN 323 TUDM BUKIT LUNCHU BAGI TAHUN 2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4358-majlis-pembukaan-sukan-antara-seksyen-skn-323-tudm-bukit-lunchu-bagi-tahun-2019

BUKIT LUNCHU, 11 Jan 19 – Skn 323 TUDM telah mengadakan majlis pembukaan sukan antara seksyen yang bertempat di Dewan Angkasa. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pegawai Memerintah Skn 323 TUDM, Mej Mohd Rizal bin Zainol TUDM. Dalam ucapan, beliau mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta dan gunakan peluang untuk bersukan ini sebagai salah satu cara untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga Skwadron dan juga dapat menyihatkan tubuh badan sesuai dengan amanat yang dititikberatkan oleh Panglima Tentera Udara iaitu 'Work life Balance'.

Dalam majlis ini turut disampaikan piala buat pemenang sukan antara Seksyen bagi tahun 2018 yang mana juara keseluruhan disandang oleh Seksyen Bantuan.

